

KAJIAN-KAJIAN INTERAKSI LISAN DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

Seman Salleh
Jabatan Pengajian Melayu

ABSTRAK

Penulisan ini membincangkan kajian-kajian interaksi lisan dalam pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan sejak tahun 60-an sehingga sekarang. Kajian-kajian menunjukkan kepentingan interaksi lisan dalam pengajaran dan pembelajaran. Tumpuan kajian yang dijalankan oleh para sarjana termasuklah aspek percakapan guru dan percakapan pelajar yang meninjau aspek penglibatan pelajar, penggiliran, tajuk perbualan, struktur informasi, intonasi, gaya pertuturan dan sebagainya. Penulisan ini juga turut membincangkan kajian interaksi lisan dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu yang dijalankan oleh Arfah Abdul Aziz (1981), Roselan Baki (2001) dan Seman Salleh (2005).

PENDAHULUAN

Dalam pengajaran dan pembelajaran, pengurusan interaksi di dalam bilik darjah tidak dilakukan secara berasingan sebaliknya dilakukan bersama-sama dengan pengurusan pengajaran dan pembelajaran (Allwright & Bailey 1991). Peranan dan kepentingan interaksi lisan dalam pengajaran dan pembelajaran banyak dijelaskan oleh para sarjana termasuklah Littlewood (1992), Coates (1994), Tharp dan Gallimore (1994) dan Stenstrom (1994). Walaupun mereka melihat kepentingan dan peranan interaksi lisan melalui aspek-aspek yang berbeza; misalnya Tharp dan Gallimore meneliti pencungkilan sementara Stenstrom pula melihat penggiliran, pergerakan, pertukaran dan perlakuan dalam interaksi lisan, namun mereka berjaya menunjukkan peranan yang dimainkan oleh interaksi lisan dalam melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran.

KAJIAN-KAJIAN INTERAKSI LISAN

Perhatian para sarjana terhadap interaksi lisan telah bermula sejak tahun-tahun 60-an sehingga sekarang. Para sarjana yang menulis tentang interaksi lisan pada tahun 60-an seperti Furst dan Amidon (1967), Amidon dan Flanders (1967), Amidon dan Hunter (1967), Hough (1967), serta pada tahun 70-an seperti Flanders (1970), Sinclair dan Gumperz (1973), Kryspin dan Feldhusen (1974), Coulthard (1975), Delamont (1976), memberi pendapat masing-

masing tentang interaksi lisan. Cazden (1986) dan Allwright dan Bailey (1991) berpendapat, dalam konteks pengurusan pengajaran dan pembelajaran, interaksi lisan merupakan pengantara yang menghubungkan perancangan dengan hasil pengajaran-pembelajaran.

Penulisan-penulisan tahun 70-an pula menunjukkan interaksi lisan banyak tertumpu kepada percakapan guru dan pelajar (Flanders 1970; Sinclair & Coulthard 1975; Mehan 1979). Flanders yang menstrukturkan interaksi lisan mengikut dua kumpulan penutur iaitu percakapan guru dan juga percakapan pelajar. Selain itu, Flanders juga meninjau interaksi lisan berdasarkan tindak balas dan inisiasi yang dilakukan oleh guru dan pelajar. Kajian ORACLE (The Observational Research and Classroom Learning Evaluation Project) yang menggunakan Model Flanders telah membahagikan interaksi lisan kepada bentuk soalan, pernyataan, dan kesenyapan (Hitcock & Hughes 1995).

Struktur interaksi lisan yang menumpukan kepada penggiliran juga menarik perhatian para sarjana yang menulis tentang interaksi lisan pada tahun 70-an. Sinclair dan Coulthard (1975) dan Mehan (1979) menegaskan, penggiliran sama ada penggiliran sempadan ataupun penggiliran pengajaran merupakan struktur utama dalam pelaksanaan interaksi lisan. Walaupun penulisan tentang penggiliran dalam interaksi lisan banyak diperkatakan oleh para sarjana sejak tahun 70-an, namun perkara ini juga menjadi perhatian para sarjana sekitar tahun 90-an (Richards 1990; Savignon 1997; Kramch 1998). Richards (1990) berpendapat, penggiliran merupakan sebahagian daripada proses perbualan yang pada ketika tertentu penutur akan menjadi pendengar.

Selain itu, penulisan tentang interaksi lisan oleh para sarjana sekitar tahun 80-an; antaranya Cazden (1986) dan Arends (1988) meninjau interaksi berdasarkan penglibatan pelajar dalam aktiviti kumpulan serta penglibatan pelajar dalam sesi soal jawab. Cazden berpendapat, penglibatan pelajar semasa kuliah adalah terbatas kerana pelajar lebih banyak mendengar penerangan daripada guru. Sebaliknya, aktiviti yang dijalankan secara berkumpulan khususnya dalam kumpulan kecil memerlukan pelajar berbual antara satu sama lain. Seterusnya, kajian-kajian yang dijalankan pada tahun-tahun 80-an ialah Beattie (1981), Edmondson (1981), Orestrom (1983), Brown & Yule (1983), Leech (1983), Levinson (1983), Wardhaugh (1985), serta Taylor dan Cameron (1987). Tumpuan kajian mereka adalah tentang perbualan secara umum, penggiliran, struktur informasi, intonasi, gaya pertuturan, dan situasi pertuturan.

Kajian-kajian tahun 90-an sehingga sekarang termasuklah kajian Zuengler (1993), Pearson dan Fernandez (1994), Stenstrom (1994), Ellis et al. (1994), Braid (1995), Lockhart dan Ng (1995), Seedhouse (1997), Polio dan Gass (1998), Swain dan Lapkin (1998), Oliver (1998), Gass et al. (1998), Anton (1999), Muranoi (2000), Itakura (2001), Gruber (2001), Gafaranga (2001) dan Tsui (2002). Walaupun kajian-kajian tersebut dijalankan pada tahun-tahun yang berbeza, namun fokus kajian mereka hampir sama, iaitu berkaitan struktur interaksi lisan di dalam bilik darjah. Antara fokus kajian yang dijalankan pada tahun 90-an termasuklah kajian tentang hubungan antara guru dengan pelajar

dan antara rakan sebaya (Lockhart & Ng 1995; Seedhouse 1997; Swain & Lapkin 1998; Oliver 1998; Anton 1999), peranan serta pengaruh interaksi dalam pengajaran dan pembelajaran (Zuengler 1993; Ellis et al. 1994; Gass et al. 1998) dan bentuk-bentuk interaksi dan gaya komunikasi (Pearson & Fernandez 1994).

KAJIAN INTERAKSI LISAN DALAM PENGAJARAN BAHASA MELAYU

Kajian interaksi lisan di dalam bilik darjah dengan tumpuan kepada pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu telah dijalankan oleh Arfah (1981), Roselan (2001) dan Seman (2005). Walaupun kajian-kajian ini menggunakan pendekatan yang berbeza, namun fokus kajian mereka tetap sama iaitu meninjau interaksi lisan dalam kalangan pelajar. Arfah dalam kajiannya telah menggunakan pendekatan kajian kes pemerhatian dan pemerhatian yang melibatkan sebilangan kecil sampel di bilik darjah; guru dan pelajar. Dalam kajian ini, Arfah mengkaji komunikasi sebagai suatu proses yang berterusan. Tiga peringkat data telah dikumpul; (i) pemilihan mata pelajaran dan sampel kajian iaitu dua orang guru dan lapan orang pelajar, (ii) pemerhatian dan 'kebiasaan' di bilik darjah dan di rumah, dan (iii) pemerhatian dan rakaman audio tentang interaksi lisan. Kajian Arfah berfokus kepada interaksi lisan yang tidak berkesan antara guru dengan pelajar dalam pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah.

Selain itu, Arfah (1981) juga meninjau interaksi lisan yang berlaku antara pelajar dengan rakan sebaya di luar bilik darjah dan juga interaksi pelajar dengan ibu mereka di rumah. Kajian Arfah berasaskan dua pendekatan iaitu pendekatan psikologi dan pendekatan sosiolinguistik. Bagi pendekatan psikologi, Arfah menggunakan Neo-Piagetian theory of performance yang dikemukakan oleh Pascual-Leone (1974) dan pendekatan sosiolinguistik dengan conversational analysis yang dikemukakan oleh Gumperz dan Herasimchuk (1973). Berdasarkan analisis perbualan Gumperz dan Herashimchuk, Arfah mengelaskan perbualan kepada tiga kategori atau dinamakan episod; iaitu episod berasaskan informasi, episod berasaskan aktiviti dan tindak balas negatif. Ketiga-tiga episod ini mempunyai objektif dan strateginya yang tersendiri.

Hasil kajian Arfah (1981) dibincangkan mengikut pendekatan sosiolinguistik dan pendekatan psikologi. Menurut Arfah, walaupun terdapat banyak contoh komunikasi tidak berkesan di dalam bilik darjah, namun terdapat banyak juga contoh komunikasi berkesan. Guru dan pelajar mampu untuk berinteraksi kecuali pada masa-masa tertentu akan berlaku komunikasi tidak berkesan apabila kedua-dua pihak tidak memahami antara satu sama lain. Komunikasi tidak berkesan adalah hasil daripada strategi komunikasi yang berbeza yang digunakan di dalam bilik darjah. Guru dan pelajar menggunakan strategi komunikasi yang sama semasa berada di luar bilik darjah tetapi tidak semasa di dalam bilik darjah. Guru lebih cekap dan mahir menggunakan pilihan-pilihan strategi baru sedangkan pelajar perlu menguasainya terlebih dahulu.

Sementara itu, kajian Roselan (2001) yang meneliti perspektif dan amalan pelaksanaan interaksi lisan pengajaran penulisan bahasa Melayu di sekolah berasrama penuh adalah berasaskan teori Vygotsky yang banyak digunakan oleh pengkaji-pengkaji lain seperti McCarthy dan Raphael 1992; Wells dan Chang-Wells 1992; Tharp dan Gallimore 1994; Raphael dan Hiebert 1996; Heijen 2001; Bacalarski 2001; Miller 2001; Subbotsky 2001; Krauss 2001; dan Wardekker 2001. Dengan menggunakan pendekatan psikologi, Roselan dalam kajiannya menghuraikan interaksi lisan pengajaran yang digunakan dalam proses pengajaran penulisan bahasa Melayu pada peringkat prapenulisan di empat buah sekolah menengah berasrama penuh. Selain itu, kajian itu juga bertujuan untuk memahami rasional responden terhadap persepsi dan amalan mereka dalam melaksanakan interaksi lisan pengajaran tersebut.

Kajian Roselan (2001) menggunakan pendekatan kajian kes kualitatif pelbagai tempat dengan pemerhatian, temu bual retrospektif mendalam, rakaman audio dan analisis dokumen sebagai alat pengumpulan data. Sementara penganalisan data dijalankan semasa dan selepas penyelidikan dan pembinaan rumusan dilakukan dengan meneliti tema, meneliti perkaitan antara pemboleh ubah, membina rangkaian bukti logik dan pembinaan pertautan teoritis. Roselan telah memfokuskan kajiannya berdasarkan dua soalan kajian. Pertamanya, memfokuskan kepada perspektif guru tentang pengajaran penulisan dan interaksi lisan pengajaran penulisan, dan rasional yang mendasari perspektif mereka tentang hal-hal yang berkaitan. Keduanya, untuk mengenal pasti strategi yang digunakan dalam melaksanakan proses interaksi lisan untuk mencapai matlamat pengajaran.

Kajian Roselan (2001) telah menghasilkan perspektif baru yang dianggap bertentangan dengan perspektif Vygotskian yang telah mengemukakan Zon Perkembangan Terdekat (ZPT) atau Zone of "Proximal Development". Responden menyatakan mereka yakin dengan pengetahuan dan kemahiran mereka serta mengetahui apa yang perlu dilakukan untuk mengajarkan penulisan bahasa Melayu dengan berkesan. Mereka menganggap pengajaran sebagai proses pemindahan informasi, pengetahuan dan kemahiran penulisan kepada pelajar untuk keperluan peperiksaan. Untuk memastikan pengajaran dan penerangan berjalan lancar, guru menekankan kepentingan disiplin dalam pengajaran mereka. Kepentingan disiplin begitu ketara kerana mereka percaya pelajar yang mencapai kejayaan yang cemerlang ialah pelajar yang berdisiplin. Guru yang tidak mementingkan disiplin atau gagal mengawal disiplin pelajar semasa mengajar dianggap guru yang kurang cekap dan tidak berwibawa. Bagi interaksi lisan pengajaran, responden menganggap interaksi lisan pengajaran sebagai medium pengajaran (Roselan 2001). Interaksi lisan membolehkan responden memindahkan pengetahuan dan kemahiran penulisan kepada pelajar. Tanpa interaksi lisan, pembelajaran tidak akan berlaku kerana responden tidak mempunyai saluran untuk menyalurkan pengetahuan dan kemahiran penulisan mereka kepada pelajar.

Kajian Seman (2005) yang menggunakan pendekatan sosiolinguistik telah memfokuskan kajiannya terhadap interaksi lisan dalam pengajaran dan pembelajaran Komsas. Dalam kajian ini, Seman menggunakan model pengajaran Allwright dan Bailey (1991) dan pendekatan Gumperz dan Herasimchuk (1973) yang telah digabungkan menjadi satu model kajian. Kajian kualitatif yang dikategorikan sebagai kajian kes pelbagai kes dan pelbagai tempat ini telah menggunakan seramai lima orang responden guru yang mengajarkan bahasa Melayu dan lima orang responden pelajar di tingkatan empat. Kajian ini dijalankan di dua buah sekolah menengah; sebuah di Kuala Lumpur dan sebuah lagi di daerah Hulu Langat, Selangor.

Kajian ini merupakan kajian awal yang mengkaji aspek pengajaran dan pembelajaran Komsas khususnya berkaitan interaksi lisan kerana Komsas mula dijadikan sebagai satu komponen dalam mata pelajaran Bahasa Melayu mulai tahun 2000. Walaupun kajian Arfah (1981) juga menggunakan sebahagiannya pendekatan sosiolinguistik tetapi Arfah tidak menganalisis struktur ayat secara terperinci. Perkara ini berbeza dengan kajian yang dijalankan oleh Seman (2005) kerana kajian ini bukan sahaja menghuraikan bentuk-bentuk interaksi lisan berasaskan kepada beberapa tema tertentu tetapi juga menganalisis struktur ayat yang diucapkan oleh responden. Sebagai kajian kualitatif dengan pengumpulan datanya dibuat secara triangulasi, Seman menganalisis data pemerhatian, temu bual dan rakaman audio dengan menetapkan beberapa tema berdasarkan episod-episod dalam pengajaran; seperti interaksi lisan semasa inisiasi, interaksi lisan berasaskan informasi, interaksi lisan semasa aktiviti dan interaksi lisan semasa menutup pengajaran.

Dalam kajian Seman (2005), dapatan kajiannya telah dilaporkan melalui dua bahagian iaitu pertamanya menghuraikan profil responden dan keduanya, menghurai, mentafsir dan merumuskan bentuk-bentuk interaksi lisan dan penggunaan bahasa serta rumus-rumus bahasa yang digunakan oleh responden. Dalam laporannya, dapatan kajian dilaporkan berdasarkan kepada lima soalan kajian; iaitu (i) Apakah bentuk interaksi lisan dan bagaimanakah guru-guru dan pelajar-pelajar menggunakannya semasa inisiasi dalam pengajaran dan pembelajaran Komsas; (ii) Apakah bentuk interaksi lisan dan bagaimanakah guru-guru dan pelajar-pelajar menggunakannya semasa meminta informasi dalam pengajaran dan pembelajaran Komsas; (iii) Apakah bentuk interaksi lisan dan bagaimanakah guru-guru dan pelajar-pelajar menggunakannya semasa menyampaikan informasi dalam pengajaran dan pembelajaran Komsas; (iv) Apakah bentuk interaksi lisan dan bagaimanakah guru-guru dan pelajar-pelajar menggunakannya semasa menyampaikan arahan dalam pengajaran dan pembelajaran Komsas; (v) Apakah bentuk interaksi lisan dan bagaimanakah guru-guru dan pelajar-pelajar menggunakannya semasa menutup pengajaran dalam pengajaran dan pembelajaran Komsas. Dapatan kajian menunjukkan, terdapat beberapa bentuk interaksi lisan mengikut peringkat-peringkat pengajaran dan pembelajaran yang berkait rapat dengan objektif dan strategi yang digunakan oleh guru. Interaksi lisan terlaksana melalui penggunaan strategi penyoalan, penerangan, penceritaan dan pengarahan yang melahirkan bentuk-bentuk interaksi lisan soalan-arahan, soalan guru,

soalan pelajar, penerangan guru, penerangan pelajar, penceritaan guru dan penceritaan pelajar. Dapatan kajiannya juga menunjukkan penggunaan bahasa seperti ayat tanya, ayat keterangan dan ayat perintah adalah selari dengan objektif interaksi lisan.

Seterusnya, dalam kajian itu didapati interaksi lisan banyak berfokus kepada guru. Keseluruhan pengajaran dikawal oleh guru dan pelajar hanya terlibat dalam soal jawab dan pembentangan. Penglibatan pelajar agak terbatas. Selain itu, pengajaran guru juga berfokus kepada peperiksaan menyebabkan aspek-aspek perbincangan lebih tertumpu kepada komponen struktural sesebuah karya. Perkara ini menjadikan interaksi lisan berlaku sehala iaitu kebanyakan guru akan memulakan soalan dan pelajar akan menjawab apabila diarah oleh guru. Oleh itu, kajian ini telah mengemukakan satu model pengajaran yang membolehkan guru bertindak sebagai fasilitator dan pelajar terlibat secara aktif dalam interaksi lisan khususnya dalam pengajaran dan pembelajaran Komsas.

PENUTUP

Kajian interaksi lisan bukanlah satu bidang kajian yang baru. Sejak tahun 60-an sehingga sekarang banyak kajian yang telah dijalankan berkaitan interaksi lisan. Namun begitu, berdasarkan bacaan dan kajian penulis, kajian-kajian interaksi lisan dalam pengajaran dan pembelajaran belum banyak dikaji oleh pengkaji tempatan. Oleh itu, kajian-kajian tentang pelaksanaan interaksi lisan dalam pengajaran bahasa Melayu khususnya perlu digiatkan lagi kerana masih banyak perkara yang belum dikaji. Walaupun kajian itu merupakan kajian yang ringkas namun diharapkan kajian-kajian itu akan dapat dimanfaatkan oleh semua pihak terutamanya guru-guru yang berada di sekolah-sekolah.

RUJUKAN

- Allwright, D. & Bailey, K. M. (1991). *Focus on the language classroom: An introduction to classroom research for language teachers*. New York: Cambridge University Press.
- Amidon, E.J. & Flanders, N.A. (1967). *The role of the teacher in the classroom*. Minnesota: association for Productive Teaching, Inc.
- Amidon, E.J. & Hunter, E. (1966). *Improving teaching, the analysis of classroom verbal interaction*. New York: Rinehart and Winston.
- Arends, R.I. (1988). *Learning to teach*. USA: McGraw Hill Co. Inc.
- Arfah Abdul Aziz. (1981). *Strategies for communication between teachers and pupils in a rural Malaysian school*. Singapore: Singapore University Press.

- Beattie, G. (1981). *The regulation of speaker turns in face to face conversation: some implications for conversations in sound-only channels*. *Semiotica*,34, 55-70.
- Brown, G. & Yule, G. (1983). *Discourse analysis*. Cambridge University Press.
- Cazden, C. B. (1988). *Classroom discourse: the language of teaching and learning*. Portsmouth: Heinemann Educational Books.
- Coates, J. (1994). No gaps, lots of overlaps: turn-taking patterns in the talk of women friends. Dlm. Graddol, D, Maybin, J. & Steirer, B. (Pnyt.), *Researching language and literacy in social context*. Clevedon: Multilingual Matters.
- Edmondson, W. (1981). *Spoken discourse: A model for analysis*. London: Croom-Helm.
- Flanders, N. A. (1970). *Analyzing teaching behaviour*. Reading, MA: Addison-Wesley Publishing Company.
- Gafaranga, J. (2001). Linguistic identities in talk-in interaction: order in bilingual conversation. *Journal of Pragmatics*,33, 1901-1925.
- Gumperz, J.J.& Herasimchuk, E. (1973). The conversational analysis of social meaning. Dlm. Shuy, R. W. (Pnyt.), *Monograph series on language and linguistics. 23rd annual round-table sociolinguistics: Current trends and perspectives*. Washington: George Town University Press.
- Gumperz, J.J.& Herasimchuk, E. (1975). The conversational analysis of social meaning. Dlm. Sanches, M., & Blount, G. (Pnyt.), *Sociocultural dimensions of language use*. New York: Academic Press.
- Lockhart, C. & Ng, Peggy. (1995). Analysing talk in ESL peer response groups: stances, functions, and content. *Language Learning*,45(4),605-665.
- Mehan, H. (1979). *Learning lessons*. Cambridge, MA: Harvard University Press.
- Orestrom, B. (1983). *Turn-taking in English conversation*. Lund: Lund University Press.
- Roselan Baki. (2001). *Interaksi lisan dalam pengajaran penulisan bahasa Melayu daripada perspektif guru*. Tesis Ph. D., Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rubin, D. (1990). Introduction : ways of talking about talking. Dlm. Hynds, S. & Rubin, D. (Pnyt.), *Perspectives on talks and learning*. Urbana IL: NCTE.

- Savignon, S. J. (1997). *Communication competence, theory and classroom practice, texts and contents in second language learning* (Ed. ke-2). New York: The McGraw–Hill Companies Inc.
- Seman Salleh. (2005). *Interaksi lisan dalam pengajaran dan pembelajaran Komsas dalam mata pelajaran Bahasa Melayu*. Tesis Ph. D. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Stenstrom, Anna-Brita. (1994). *An introduction to spoken interaction*. London : Longman.
- Zuengler, J. (1993). Encouraging learners' coversational participation: The effect of content knowledge. *Language Learning*,43(3),403-43.